

# KERATAN AKHBAR ONLINE

JUDUL : SINAR HARIAN

TARIKH : 13 Ogos 2023

SITASI :

M/S :

Pusat tuisyen kami dilancar untuk pelajar kurang mampu. (2023, August 13). *Sinar Harian*. Retrieved August 14, 2023, from <https://www.sinarharian.com.my/article/273646/berita/nasional/pusat-tuisyen-kami-dilancar-untuk-pelajar-kurang-mampu>.



BERITA > Nasional

Pusat Tuisyen KAMI dilancar untuk pelajar kurang mampu  
13 Ogos 2023 09:51pm **Masa membaca: 2 minit**



Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang melakukan lawatan rerulei selepas merasmikan Peluncuran Eksplorasi Rukun Negara di MyTown Shopping Centre. - Foto Bernama

KUALA LUMPUR - Pusat Tuisyen KAMI di Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Taman Sri Serdang, Petaling, Selangor hari ini dilancarkan oleh Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang untuk menyediakan pendidikan tambahan percuma kepada pelajar kurang berkemampuan.

Kementerian Perpaduan Negara dalam kenyataan hari ini memaklumkan, inisiatif itu juga bagi membantu pelajar meningkatkan prestasi akademik, memenuhi tanggungjawab sosial kementerian itu kepada masyarakat dan merealisasikan aspirasi kerajaan untuk 'Memperkasa Rakyat' melalui pendidikan berkualiti.

Menurut kenyataan itu, tuisyen akan dilaksanakan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) yang digerakkan oleh KRT dengan menasarkan pelajar calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2024 daripada keluarga kurang berkemampuan, berprestasi sederhana serta lemah dalam akademik.

Kenyataan itu juga menyebut program berkenaan akan dilaksanakan melalui Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) yang menasarkan komuniti pedalaman, asnaf dan golongan B40.

"Program ini memberi fokus kepada enam mata pelajaran teras bagi SPM iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Sejarah dan Pendidikan Islam.

"Ia dilaksanakan selama satu tahun. Pada enam bulan pertama, kelas tuisyen akan dijalankan berserta pemantauan akademik, bengkel pembangunan modal insan atau pemupukan dan pembangunan. Seterusnya, Jejak Lepasan SPM akan dibuat selama enam bulan untuk memantau hala tuju pelajar dan keberhasilan program," menurut kenyataan itu.

Menurut Kementerian Perpaduan Negara, inisiatif bantuan makanan turut dilaksanakan sepanjang tuisyen itu bagi memastikan pelajar dapat menghadiri kelas dengan selesa dan fokus tanpa perlu berulang-alik ke rumah yang akan meningkatkan kos perbelanjaan logistik mereka.

Program itu mendapat kerjasama daripada Lembaga Tabung Haji yang menyalurkan dana sebanyak RM500,000 untuk pelaksanaan tuisyen bagi tempoh 2023/2024, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Tuisyen KAMI yang merupakan antara inisiatif terbaru kementerian itu dalam 'Membangun Komuniti Madani' turut mendapat kerjasama Perpustakaan Negara yang menyumbangkan sebanyak 500 buku dan seterusnya melancarkan Unity Library di KRT Taman Sri Serdang. - Bernama

<https://www.sinarharian.com.my/article/273646/berita/nasional/pusat-tuisyen-kami-dilancar Untuk-pelajar-kurang-mampu>